

Tiga kali dentuman kuat

Dilema keretakan pangsapuri empat tingkat

DENGKIL - "Saya dengar bunyi dentuman kuat, tiba-tiba terlihat sekumpulan penghuni Pangsapuri Taman Permata, Dengkil berlari keluar rumah," kata seorang penghuni K Kalichelvi, 43, sebaik tiba di tempat letak kenderaan.

Katanya, ketika kejadian kira-kira jam 3.30 petang kelmarin itu, lebih 300 penghuni berlari keluar untuk menyelamatkan diri apabila mendengar bunyi retakan kuat.

"Saya hanya risau anak berusia dua bulan di rumah pengasuh selang beberapa rumah mujur lima minit kemudian melihat pengasuh mendukung anak bongsu saya.

"Retakan rumah di sini bukan baru malah sudah kerap berlaku tetapi tiada tindakan diambil," katanya kepada *Sinar Harian* ketika sedang berehat di khemah yang disediakan, semalam.

Suri rumah, M Saraswathy, 49, berkata, ketika kejadian dia sedang berehat sebelum terdengar tiga kali dentuman kuat.

"Saya tidak dapat berbuat apa-apa dan terpaksa lari menyelamatkan diri kerana berasa ada gegaran seolah-olah bangunan ini akan runtuh.

"Saya nampak kawan-kawan yang berada di hadapan rumah semua sudah berlari menuruni tangga kerana khuatir kejadian bangunan runtuh berlaku," katanya.

Katanya, jika diarahkan pindah, dia akan berbuat demikian kerana bangunan itu memang tidak

bang bertentangan.

"Perkara ini sangat merisaukan penduduk di sini," katanya.

Keretakan pada lantai, dinding

BAGAIMANAPUN, seorang pesara, S Gagendran, 56, berkata sejak mula menduduki rumahnya pada tahun 1998, keadaan struktur dinding, lantai rumah dan dapur mula menampakkan sedikit keretakan tetapi menjadi semakin buruk apabila memasuki tiga tahun kebelakangan ini.

"Saya mendapati keretakan pada lantai dan dinding rumah semakin banyak dan struktur bangunan rumah menjadi semakin rendah sudah lari dari kedudukan asalnya akibat mendapan tanah.

"Saya sudah mengeluarkan belanja yang besar untuk menampal segala keretakan dinding dan lantai rumah namun keadaan menjadi semakin buruk," katanya dan meminta agar kerajaan negeri campur tangan menyelesaikan masalah beliau serta penduduk di taman berkenaan.

Kebanyakan penduduk memaklumkan pangsapuri empat tingkat yang menempatkan hampir 80 keluarga itu dikatakan bangunan yang disediakan untuk pekerja ladang yang sebelum ini tinggal di Putrajaya.

Bagaimanapun, selepas diberi kemudahan rumah di sini, tiada usaha meneliti struktur bangunan malah tiada penyelenggaraan dilakukan sehingga hari ini.



Keretakan pada beberapa bahagian bangunan Pangsapuri Taman Permata menimbulkan kebimbangan dalam kalangan penghuninya.

Sinar 13/6/13 MS 25.



KALICHELVI



SARASWATHY



SHAHRUM

Sementara itu, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Sepang (MPS), Mohd Sayuthi Bakar turut mengeluarkan kenyataan arahan penempatan sementara bagi pemeriksaan tahap keselamatan struktur bangunan Pangsapuri Taman Permata, Blok 5, Mukim Dengkil, Sepang.

Menurutnya, berdasarkan pemerhatian awal pihaknya men-

tur pembinaan blok berkenaan.

Bagaimanapun, *Sinar Harian* difahamkan, petang semalam Mohd Sayuthi turut menemui Menteri Besar untuk berbincang status penghuni di sini.

Pada masa ini penduduk terpaksa tinggal di bawah khemah sejak malam kelmarin sehingga tempoh masa yang ditetapkan.

Ibrahim mampu menyelesaikan masalah penempatan lebih 50 keluarga di Pangsapuri Taman Permata yang berhadapan risiko keretakan dinding rumah hampir keseluruhan bangunan.

Menurutnya, pihak bertanggungjawab perlu melakukan tindakan segera walaupun masih belum berlaku runtuhan.

"Saya masih menunggu ke-

selamat.

"Bayangkan, sekumpulan anjing boleh melalui lubang di bahagian bawah bangunan dan keluar di lu-

Malah, retakan yang berlaku sebelum ini turut tidak dipedulikan walaupun sudah beberapa kali diadukan kepada pihak berkenaan.

dapati penghuni dikehendaki berpindah ke penempatan sementara dari bangunan tersebut untuk membuat siasatan terhadap struk-

Perlu bertindak segera

ADUN Dengkil, Shahrum Mohd Sharif yakin kerajaan negeri di bawah pentadbiran Tan Sri Khalid

Saya masih menunggu keputusan MPS dan berharap mempunyai berita gembira kepada keluarga di sini.

"Saya risau mereka ini tidak mendapat kebajikan jika dibiarkan tinggal di bawah khemah," katanya ketika ditemui *Sinar Harian* di lokasi kejadian.

Shahrum berkata, jika penduduk ini tidak boleh berpindah pun, mungkin mempunyai alternatif lain bagi menempatkan mereka kerana masih terdapat penghuni yang keluar masuk ke rumah mereka.

Katanya, beliau kluatir tahap keselamatan mereka terjejas sekiranya berlaku runtutan kecil.

"Dalam pada itu, perkara ini bakal diberi perhatian kerana ia melibatkan nyawa penduduk.

"Saya juga akan mencari jalan membantu sekiranya pihak yang bertanggungjawab gagal menanganinya," katanya.



Gagendran menunjukkan retakan bermula di bahagian bawah dinding diikuti keseluruhan rumahnya.



Shahrum mendengar luahan penduduk mengenai retakan yang berlaku di bangunan Pangsapuri Taman Delima.